



PEJABAT KPLB NEGERI TERENGGANU
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN KERJA SEBUTHARGA SECARA DALAM TALIAN

- 1 Kontraktor Bumiputera Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (STB-BPKU) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PERMIT IPA JENIS C yang berdaftar dengan SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN) yang masih berkuatkuasa tempoh pendaftarannya serta memenuhi syarat-syarat kelayakan yang di tetapkan adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga seperti berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	TARIKH & WAKTU PENDAFTARAN SECARA DALAM TALIAN	TARIKH & WAKTU PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUTHARGA	TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN, DI HANTAR & TARIKH TUTUP TAWARAN
1	<p>No. Sebutharga : KPLB.SH.513/2020/TRGN31</p> <p>CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) TAHUN 2020 BAGI MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI PAIP AIR 155MM DIA. MULTILAYER UPVC SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KG. BALOH DAN USTAZ HAJI ALI, MANIR, DAERAH KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN. (PRE 2020)</p>	<p>i) CIDB GRED: G1</p> <p>ii) KATEGORI: PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN APA - APA BINAAN KEJURUTERAAN AWAM. (CE)</p> <p>iii) PENGKHUSUSAN: CE20 SISTEM BEKALAN AIR</p> <p>iv) PERMIT IPA JENIS C4 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)</p> <p>Sila pastikan Gred dan Pengkhususan adalah seperti di atas serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sebelum pendaftaran di buat. Gred dan Pengkhususan yang tidak ada seperti di atas TIDAK DI BENARKAN</p>	<p>TARIKH & WAKTU PENDAFTARAN (WAJIB) :</p> <p>21 JUN 2020</p> <p>JAM : 9.00 PAGI</p> <p>Sehingga</p> <p>JAM : 12.00 TENGAHARI</p> <p>Pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian. Pautan bagi Borang Pendaftaran akan disiarkan di Laman Rasmi Facebook Page Pejabat KPLB Negeri Terengganu di :</p> <p><i>KPLB Negeri Terengganu</i></p> <p>.....</p> <p>LINK FACEBOOK PAGES :-</p> <p>https://www.facebook.com/KPLB-Negeri-Terengganu-100882054795661/</p> <p>Link Borang Pendaftaran akan di muatnaik pada tarikh dan masa seperti diatas di ruangan iklan.</p>	<p>Tarikh : 22/06/2020 hingga 25/06/2020</p> <p>Waktu : 9.00pg - 1.00 t/hari 2.00ptg - 3.00ptg (Ahad - Khamis)</p>	<p>PEJABAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR NEGERI TERENGGANU NO.23, TINGKAT 1 PUSAT NIAGA PAYA KELADI, 20100 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN</p> <p>TEL PEJ: 09-630 5011/12</p> <p>TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN TAWARAN SEBUTHARGA :</p> <p>28/6/2020 (AHAD)</p> <p>Waktu : Pada / Sebelum 12.00 T/hari</p>

TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA DAERAH KUALA TERENGGANU & KUALA NERUS SAHAJA

SYARAT - SYARAT KELAYAKAN :-

- 1 **PENDAFTARAN SECARA DALAM TALIAN** adalah **DIWAJIBKAN** bagi menggantikan Taklimat dan Lawatan Tapak.
- 2 Sila pastikan maklumat di dalam Borang Pendaftaran di isi dengan lengkap serta hanya maklumat **Penama Yang Berdaftar (Pemilik Syarikat)** dan **No Kad Pengenalan Penama Yang Berdaftar** di dalam sijil CIDB,SPKK, PPK dan STB sahaja di isi di dalam Borang Pendaftaran, bukan maklumat nama pekerja atau pihak ketiga yang mengisi borang anda. Pihak Jabatan tidak bertanggungjawab di atas kecuaiian Kontraktor semasa mengisi Borang Pendaftaran.
- 3 Pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan serta melebihi tempoh masa yang di tetapkan seperti di atas adalah **TIDAK LAYAK** menyertai Tawaran ini. Pihak Jabatan berhak menolak pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan adalah Muktamad.
- 4 **PEMALSUAN BUTIRAN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen berkaitan seperti SPKK (CIDB), PPK (CIDB), STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TIDAK LAYAK/TERBATAL** dan laporan kepada CIDB akan dibuat untuk tindakan Undang-Undang.
- 5 Kontraktor **TIDAK DI WAJIBKAN** menghadiri Taklimat atau Lawatan Tapak. Kontraktor **DIGALAKKAN** melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan bagi membantu pihak Kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat bagi menyediakan tawaran sebutharga. Sekiranya kontraktor mahu melawati sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer* serta pemakaian *face mask* perlu di patuhi dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Kos lawatan tapak di tanggung sendiri oleh Kontraktor.
- 6 **PEMILIK SYARIKAT** hendaklah membawa SURAT PENDAFTARAN ASAL SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) oleh CIDB, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) oleh CIDB, SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh BPKU dan SIJIL PERMIT IPA JENIS C4 yang berdaftar dengan SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN) semasa pengambilan Dokumen Sebutharga serta mengemukakan Kad Pengenalan untuk **SEMAKAN DAN PENGESAHAN** oleh Pegawai KPLB yang bertugas. Dokumen Sebutharga tidak akan di berikan sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan walaupun telah berjaya membuat Pendaftaran Secara Dalam Talian. **WAKIL TIDAK DI BENARKAN.**
- 7 Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
- 8 Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul Surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti di atas.
- 9 Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.